

Headline	Sindiket bitcoin curi elektrik RM24 juta tumpas		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Sep 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	24
ArticleSize	354 cm ²	Journalist	Oleh MUHAMMAD
PR Value	RM 22,515		



Polis turut rampas
2,137 buah mesin
perlombongan bitcoin

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF
MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Kegiatan sindiket perlombongan bitcoin yang menjalankan operasi dengan cara mencuri elektrik melebihi RM24 juta sejak setahun lalu berjaya ditumpaskan apabila polis menyerbu premis-premis berkaitan di beberapa daerah di negeri ini pada Selasa.

Dalam serbuan berkenaan, polis turut merampas sebanyak 2,137 buah mesin perlombongan bitcoin yang dianggarkan bernilai RM1.28 juta.

Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, serbuan berkenaan dilakukan Jabatan Siasatan Jenayah Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor bersama TNB bagi membanteras kegiatan mencuri elektrik serta pengubahsuaian

pemasangan elektrik bagi aktiviti perlombongan bitcoin.

"Seramai sembilan individu warga tempatan dipercayai bekerja sebagai juruteknik elektrik berumur antara 18 hingga 27 tahun telah ditahan.

"Kesemua suspek ditahan menerusi 30 serbuan yang dijalankan di lapan daerah di negeri ini," katanya ketika sidang akhbar di IPK Selangor di sini pada Khamis.

Jelas beliau, pelbagai barangan dan alatan dipercayai digunakan untuk aktiviti perlombongan bitcoin secara haram turut dirampas.

"Antara dirampas adalah 2,137 unit mesin perlombongan bitcoin, 10 unit komputer riba, lima set komputer dan enam unit grafik kad 'mining ethereum,'" katanya.

Sindiket bitcoin curi elektrik RM24 juta tumpas



Arjunaidi (dua dari kiri) menunjukkan antara peralatan dan barangan dipercayai digunakan untuk aktiviti perlombongan bitcoin yang dirampas dalam serbuan di beberapa daerah di Selangor.

Menurutnya, hasil siasatan dan risikan mendapati aktiviti itu telah berjalan selama 12 bulan mulai September tahun lalu.

"Nilai kerugian TNB akibat

aktiviti kecurian elektrik bernilai RM24.36 juta.

"Secara keseluruhan, nilai mesin yang dirampas dan nilai penggunaan elektrik berjumlah

RM25.64 juta," tambahnya.

Menurut Arjunaidi, siasatan turut dijalankan bagi mengesan dalang sindiket berkenaan sehingga boleh menjalankan aktiviti dalam skala besar di negeri ini.

"Jabatan Siasatan Jenayah IPK Selangor telah melakukan risikan terhadap sindiket ini sejak Jun 2021. Hasil risikan dan siasatan dan kerjasama bersama pihak TNB sekali gus berjaya mengesan aktiviti perlombongan bitcoin secara haram ini," katanya.

Jelas beliau, sembilan suspek yang ditahan telah direman antara dua hingga empat hari.

"Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 379/427 Kanun Keseksaan dan Seksyen 37(1) Akta Bekalan Elektrik 1990," ujar beliau.